



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TUAN HAJI HASSAN BIN NAM,
SENATOR ORANG ASLI PERTAMA SELAMA 2 PENGGAL IAITU DARI
TAHUN 1984 HINGGA 1990.

OLEH:

MUHAMMAD NAZMI FARHAN BIN YAHYA

(2012482954)

MUHAMMAD HAZRIQ BIN MOHD HEDIR

(2012680178)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSA MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN IMR 604: DOKUMENTASI LISAN

SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN : SENATOR ORANG ASLI PERTAMA

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH	i
ABSTRAK	1
Pengenalan	2
i. ORANG ASLI	
ii. SIAPAKAH ORANG ASLI	
iii. PROFIL SUKU KAUM ORANG ASLI	
iv. SENOI PRAAK	
v. SEJARAH INSTITUSI PARLIMEN MALAYSIA	
vi. DEWAN NEGARA	
vii. KEAHLIAN	
TRANSKRIP WAWANCARA	15
LOG WAWANCARA	74
LATAR BELAKANG PENGKISAH	81
LATAR BELAKANG PENULIS 1	86
LATAR BELAKANG PENULIS 2	87
SOALAN WAWANCARA	88
RALAT	107
RUJUKAN	108
LAMPIRAN	109
INDEK	123
DIARI PENYELIDIKAN	127

SEKAPUR SIREH



Alhamdulillah, kami merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran ilahi dengan limpah dan kurnianya, dapat menyelesaikan dan menyiapkan transkrip Dokumentasi Sejarah Lisan ini dengan penuh jayanya. Kami menjulang sepenuh penghargaan kepada Puan Azura Binti Abdul Jamil@Kamarudzzan, pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat di atas kesudian beliau memberi tugas ini kepada kami dan menjadi sering menyelia sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Beliau juga banyak membantu sepanjang proses pembentukan tugas ini berlaku. Pelbagai ilmu dan pengetahuan yang dapat rungkai sepanjang menyiapkan tugas ini. Seajar dengan anjakan paradigma dalam era globalisasi ini, begitulah dominannya peranan mahasiswa khususnya bakal pemimpin di negara ini untuk merungkai pelbagai ilmu pengetahuan di muka bumi ini.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kami kepada bekas Senator Dewan Negara iaitu Tuan Haji Hassan bin Nam di atas kesudian beliau untuk meluangkan masa bagi membolehkan kami menemu ramah beliau dan juga komitmen yang beliau berikan amat membantu kami dalam menyelesaikan transkrip wawancara ini.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada mereka-mereka yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugas ini. Tunjuk ajar mereka amat membantu dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini. Oleh itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga terutamanya kepada ayahanda dan bonda tercinta iaitu *Mohd Hedir Bin Nayan* dan *Umi Kalsom Binti Husin* ayahanda dan bonda kepada *Muhammad Hazriq Bin Mohd Hedir*. Begitu juga kepada *Yahya Bin Eusope* dan *Rasmie Binti Shafie* ayahanda dan bonda kepada *Muhammad*

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN : SENATOR ORANG ASLI PERTAMA

Nazmi Farhan Bin Yahya. Kedua ibu dan bapa kami telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini.

Selain itu, kepada rakan-rakan iaitu, terima kasih jua diucapkan kerana banyak memberi idea-idea yang bernas serta telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga selesainya 'Transkrip wawancara bersama Tuan Haji Hassan Bin Nam, Senator orang Asli Pertama selama 2 Penggal iaitu dari tahun 1984 hingga 1990'. Segala bantuan yang telah kalian hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan kalian semua, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebelum kami mengundur diri, izinkan kami berkongsi serangkap mutiara kata yang banyak memotivasikan dan memberi semangat serta kekuatan buat diri kami

. "Kesusahan tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun. Tetapi adakalanya lebih berguna daripada kesenangan yang terus-menerus"

Sekian, terima kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi sesi temubual bersama Tuan Haji Hassan Bin Nam ,mengenai penglibatan beliau dalam menjadi Senator orang Asli Pertama dalam Dewan Negara selama 2 penggal iaitu dari tahun 1984 hingga 1990. Temubual dalam transkrip ini dilakukan di rumah beliau di Taman Selasih Gombak Selangor pada hari Sabtu,7 Disember 2013. Beliau merupakan seorang yang berasal dari bangsa orang Asli dan suku Kaum Semelai. Beliau juga seorang yang memajukan dan menegakkan hak-hak orang Asli Pribumi dan juga banyak melibatkan diri dalam politik. Beliau juga seorang yang peramah dan konsisten dalam melakukan sesuatu kerja. Dalam transkrip ini setiap kata kata yang diucapkan disertakan dengan asas yang kukuh .Kandungan transkrip ini merangkumi tentang latar belakang kehidupan beliau, latar belakang keluarga beliau, sejarah pendidikan beliau , serba sedikit mengenai bidang yang beliau ceburi serta peranan beliau dalam menjadi Senator Dewan Negara khususnya. Setiap kata-kata dalam temubual ini diterangkan dengan terperinci dan teliti. Segala soalan yang diberikan diceritakan dengan benar dan tidak mengandungi unsur-unsur sensitif serta unsur-unsur mengaibkan pihak lain.

Keywords: Senator, Dewan Negara, Semelai, orang Asli.